

12/09/1999

Elak projek guna pengaruh politik: Daim

KUALA LUMPUR: Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin semalam mengingatkan pengusaha Bumiputera yang menjalankan perniagaan supaya membuat perkiraan betul bagi memastikan daya maju projek, bukan menggunakan pengaruh politik.

Katanya, projek yang dikenal pasti hendaklah menguntungkan tetapi penggunaan pengaruh politik tidak akan membawa untung.

Beliau berkata, jika bank memberi pinjaman tetapi projek gagal di kemudian hari, maka nama baik pihak terbabit dan kredibilitinya akan juga terjejas dan peluang perniagaan masa depannya juga akan hilang.

"Jika kita menggunakan asas-asas lain seperti politik dan pertalian luar perniagaan, segala perkiraan dan pertimbangan tidak memastikan kejayaan perusahaan kita.

"Apabila kedudukan ekonomi yang berubah, maka daya maju perusahaan atau perniagaan itu terhakis begitu mudah. Kita tidak harus berniaga untuk keuntungan jangka pendek," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menutup Kongres Ekonomi Bumiputera Keempat (KEB-4) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini. Kongres anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) itu dihadiri 1,000 peserta dari seluruh negara.

Terdahulu, Daim mengadakan dialog di sidang pleno secara tertutup dengan peserta. Tujuh bengkel diadakan di kongres dua hari itu yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin.

Daim juga mengingatkan Bumiputera bahawa besar kemungkinan segala keistimewaan yang diberikan kerajaan kepada masyarakat Bumiputera akan dihentikan selepas matlamat 30 peratus pengagihan kekayaan negara dicapai kerana percaya pada ketika itu nanti, mereka boleh menghadapi segala cabaran. Beliau juga percaya pemulihan ekonomi akan bertambah kukuh dalam suku tahun berikutnya dengan terdapat peningkatan eksport dan keyakinan kepada ekonomi negara keseluruhannya.

Katanya, kerajaan akan merencana Belanjawan Negara tahun 2000 dengan tujuan memperkukuhkan lagi proses pemulihan ekonomi pada tahun-tahun akan datang.

Daim berkata, tanda-tanda pemulihan yang kukuh memang sudah kelihatan daripada petunjuk seperti pengeluaran, penjualan, penggunaan, eksport dan import.

Katanya, kedudukan pasaran saham juga bertambah baik berbanding dengan keadaan pada September 1998 dan kedudukan itu juga disokong oleh situasi bertambah cerah dalam keadaan inflasi, peluang pekerjaan dan imbalan pembayaran negara.

"Tetapi ada yang masih tidak percaya, mereka masih bertanya pemulihan ini benar atau tidak. Angka-angka yang disiarkan bukan dari mimpi. Kerajaan dan rakyat Malaysia bukan dari golongan yang suka mereka angka-angka.

"Pengkritik kita sukar percaya dengan pemulihan ini. Pada mereka, mustahil kita berkeupayaan memulihkan ekonomi cara kita sendiri. Mereka marah kerana kita membuktikan yang mereka tersalah.

"Golongan pengkritik ini kebanyakannya adalah golongan 'pak turut'. Kepada mereka, orang Malaysia tidak ada kelebihan, tidak ada idea-idea. Mereka ini percaya dan mendewa-dewakan pendapat serta nasihat asing," katanya.

(END)

